

11 FEB 1999

Sabah-Dompok (Analisis Berita)

TUMPUAN KINI PADA DOMPOK UNTUK "MENIUP WISEL"

Oleh: Azman Ujang

KOTA KINABALU, 11 Feb (Bernama) -- Sabah kini berada dalam suasana seperti di sebuah stadium yang sedang menyaksikan perlawanan bola sepak dan semua mata penonton tertumpu pada pengadil, menunggunya meniupkan wisel untuk menamatkan satu permainan yang mendebarkan.

Pengadil itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok yang akan memberi kata putus mengenai bilakah tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri bagi memberi laluan kepada pilihan raya negeri yang ditunggu-tunggu.

Tetapi sehingga semalam, Dompok masih merahsiakan tarikh untuk membubarkan "parlimen" negeri ini.

Tidak seperti pengadil bola sepak, beliau masih mempunyai sedikit masa kerana penggal Dewan Undangan Negeri itu akan tamat pada 18 Mac dan mengikut Perlembagaan Negeri, pilihan raya mesti diadakan dalam tempoh 60 hari selepas dibubarkan.

Tetapi dengan tokoh-tokoh politik negara sibuk keluar masuk Sabah sejak minggu kebelakangan ini yang diketuai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kini tumpuan pada Dompok yang sedang menunggu masa yang sesuai dan beliau mungkin meniupkan wiselnya selewat-lewatnya pertengahan bulan ini.

Semasa ditanya sama ada mesyuarat Kabinet negeri yang beliau pengerusikan semalam adalah yang terakhir sebelum mengadakan pilihan raya yang baru, Dompok tetap membisu.

"Saya akan mengumumkannya bila tiba masanya dan terpulang kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menetapkan tarikh pilihan raya," hanya itu yang mahu dikatakannya mengenai perkara itu.

Dompok, 49, turut menjadi tumpuan kerana sebab-sebab lain.

Kali ini, kerajaan BN akan mendekati rakyat dengan beliau sebagai pemandunya mengikut sistem berkongsi kuasa yang unik bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di dunia.

Dompok adalah Ketua Menteri Sabah yang kelima dalam tempoh lima tahun, dilantik tahun lepas selaras dengan sistem penggiliran BN antara pemimpin tiga kumpulan kaum utama untuk menjadi Ketua Menteri.

Parti Bersatu Sabah (PBS) memenangi pilihan raya pada 1994 dengan Presidennya Datuk Joseph Pairin Kitingan dilantik sebagai Ketua Menteri tetapi kerajaan negeri runtuh sebulan kemudian apabila beberapa anggota dewan undangan negeri belot dan menyertai BN.

Tetapi dalam negeri yang penduduknya lazim mengundi berpandukan kaum atau etnik antara Bumiputera Islam dan Bumiputera bukan Islam dan dengan jumlah besar pengundi Cina yang akan menjadi penentu kepada kemenangan parti atau kumpulan parti, kebimbangan telah dilahirkan mengenai peluang Dompok sendiri untuk mengekalkan kerusinya pada pilihan raya akan datang.

Menurut sumber-sumber BN tempatan, kebimbangan itu telah membuatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menawarkan kerusi yang dianggap "selamat" berbanding kawasan Moyog kepada Dompok, pangkalan kuasa tradisinya, buat kali ini.

Pangkalan kuasa bagi Dompok telah berubah sejak pilihan raya 1994 kerana beliau menang di Moyog atas tiket PBS pada masa itu tetapi kemudian menubuhkan Parti Demokratik Sabah (PDS) untuk menyertai BN bersama-sama 10 anggota dewan undangan negeri PBS yang baru dipilih yang telah menyebabkan kejatuhan kerajaan PBS.

Kebimbangan itu ada kebenarannya kerana Moyog adalah satu daripada kawasan Kadazandusun yang merupakan kubu kuat PBS. Dalam politik Sabah,

tidak dinafikan bahawa PBS mempunyai pengaruh yang kuat apabila membabitkan kawasan Kadazandusun.

Dompok telah mengakui bahawa Dr Mahathir mahu beliau bertanding di luar Moyog.

"Saya dilahirkan, dibesar dan belajar di sini (Moyog). Oleh itu, Moyog adalah tempat saya dan saya tidak berhasrat mengetepikan penduduk Moyog," katanya.

Dompok berkata beliau percaya penuh kepada kira-kira 22,000 pengundi di Moyog dan telah menyiapkan jentera BN di kawasan itu bagi memastikan kemenangan.

Menurut Setiausaha Politiknya Ignatius Malanjun, masyarakat Kadazandusun di Moyog telah melalui apa yang beliau panggil perubahan "minda" terutama sejak Dompok, seorang anak kelahiran Moyog, berjaya memegang jawatan tinggi sebagai Ketua Menteri Sabah.

"Mereka bangga dengan pencapaian beliau. Masyarakat Kadazandusun bukannya tidak bijak. Mereka tidak akan mengetepikan beliau walaupun beliau kini dalam BN," kata Malanjun kepada Bernama di bilik operasi Dompok yang terletak di pinggir kota ibu negeri.

Dompok, graduan Sarjana Muda Sains, sebelum ini menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kata-kata Malanjun itu ada kebenarannya kerana pada pilihan raya negeri 1985, beliau bertanding sebagai calon Parti Pasok yang kini sudah tidak wujud lagi dan memenangi kerusi Moyog, mengalahkan seorang menteri yang pada masa itu dalam kerajaan Parti Berjaya, Datuk Conrad Mojuntin.

"Saya dengan mudah mengalahkannya dan Conrad Mojuntin hampir kehilangan wang depositnya," kata beliau mengingatkan kembali saat itu. Calon yang mendapat undi kurang daripada satu perlawanan daripada jumlah undi dalam sesuatu kawasan, wang deposit mereka akan lupus.

Malanjun berkata PDS telah melaksanakan pelbagai strategi untuk bertarung bagi merebut kerusi daripada PBS pada pilihan raya itu.

Dompok, yang dilantik Ketua Menteri pada Mei tahun lepas, dijangka akan dilantik semula untuk menerajui kerajaan negeri jika BN mengekalkan kuasanya pada pilihan raya ini bagi membolehkan beliau menghabiskan penggalnya mengikut sistem penggiliran.

Sabah merupakan negeri yang gilakan bola sepak dan tekanan adalah pada Dompok untuk mengakhiri ketegangan menunggu bilakah sebenarnya beliau akan mengumumkan pilihan raya Sabah yang terakhir untuk abad ini.

-- BERNAMA
AU RHM RON